



SIARAN MEDIA

ANUGERAH TOILET OF THE YEAR 2023 : KPKT IKTIRAF TANDAS AWAM SWASTA BERTARAF BMW

KUALA LUMPUR, 30 Oktober 2023 - Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah merasmikan Majlis Anugerah *Toilet of The Year (TOTYA)* 2023 yang berlangsung di Bukit Kiara pada malam ini.

Penganjuran Majlis Anugerah *Toilet of The Year (TOTYA)* 2023 oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) ini merupakan **hasil cetusan idea YB KM dan julung kali diadakan pada tahun ini**. Inisiatif ini merupakan satu langkah untuk memberi pengiktirafan kepada premis-premis swasta yang berjaya menyediakan tandas-tandas awam bertaraf **Bersih, Menawan dan Wangi** atau “**BMW**”.

TOTYA 2023 telah memperlihatkan penyertaan yang menggalakkan melalui **345 penyertaan** bagi tahun ini. Sebanyak **lima (5) kategori telah dipertandingkan iaitu hotel, pusat beli belah, kawasan rehat dan rawat (R&R), stesen minyak dan restoran** dengan menawarkan hadiah wang tunai **RM10,000 berserta piala dan sijil**.

Pemilihan pemenang adalah berdasarkan pencapaian markah yang diperolehi mengikut kriteria Audit Penarafan Bintang (*Star Rating*) Kebersihan Tandas Awam “BMW” KPKT, serta faktor-faktor keistimewaan (*wow factors*) tandas yang dipertandingkan. Penjurian telah dijalankan secara professional oleh sembilan orang juri yang terdiri daripada ahli Persatuan Bilik Air Berkualiti Malaysia (QRAM), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan KPKT.

Bermula tahun 2012, KPKT telah melaksanakan Program Tandas Awam Bersih Kebangsaan dengan penerbitan Garis Panduan *Star Rating* Kebersihan Tandas Kegunaan Awam Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan, KPKT. Program “*Star Rating*” atau Penarafan Bintang Tandas Awam ini dijalankan oleh PBT dan melibatkan tandas-tandas awam termasuk tandas awam milik PBT, agensi kerajaan serta tandas awam milik premis swasta.

Bagi tahun **2022**, sebanyak **38 peratus** (1,066 buah) tandas awam milik PBT dan **37 peratus** (9,695 buah) tandas awam milik swasta telah mencapai tahap tandas “BMW”. Manakala bagi bulan **Januari sehingga Ogos 2023**, sebanyak **39 peratus** (1,096 buah) tandas awam milik PBT dan **36 peratus** (3,118 buah) tandas awam milik swasta yang mencapai tahap tandas “BMW”. (Tandas “BMW” bermaksud mencapai tahap 4 Bintang dan 5 Bintang).

YB KM berkata, “Penjagaan tandas awam merupakan tanggungjawab kita bersama sama ada daripada pihak kerajaan, swasta dan masyarakat. Ia memerlukan pendekatan ‘*Whole of Society Approach*’ bagi menjayakan transformasi tandas-tandas awam yang kurang memuaskan kepada tandas awam bertaraf “BMW”. Ini penting untuk meningkatkan imej negara sebagai destinasi pelancongan dan langkah persediaan penganjuran Tahun Melawat Malaysia 2026.”

Tambah beliau, “KPKT telah mengambil langkah yang proaktif dengan menyalurkan peruntukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk membaik pulih, menaik taraf dan meningkatkan kebersihan tandas-tandas awam milik PBT. Pada tahun ini, sebanyak **RM8.8 juta** peruntukan telah diluluskan oleh KPKT untuk membaik pulih dan menaik taraf **164 buah tandas awam PBT** di seluruh negara bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dan memberi keselesaan kepada pengguna.”

Justeru, penganjuran Majlis Anugerah *Toilet of The Year (TOTYA)* bagi tahun 2023 ini diharap dapat dijadikan anjakan paradigma dalam merealisasikan konsep Tandas Awam “BMW” di seluruh Malaysia. Semua pihak perlu bersama-sama meningkatkan tahap pengurusan kebersihan dan keselesaan tandas awam serta kesedaran sivik dan menyumbang kepada aspirasi Malaysia MADANI.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

